

**AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN****1. TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum dan mendapatkan pertimbangan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan status tindakan pembetulan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

**2. LATARBELAKANG**

Tindakan pembetulan perlu dilaksana apabila ketakakuran berlaku sekiranya tidak mengikut standard pencapaian KPI, pengukuran sasaran proses, Prosedur, Arahan Kerja, Kepuasan Pelanggan dan hasil pemantauan proses atau produk/perkhidmatan di UPM. Sebarang ketakakuran yang ditemui direkodkan dan perlu dikenalpasti punca ketakakuran dan diambil tindakan pembetulan yang berkesan bagi memastikan ketakakuran tidak berulang.

**3. LAPORAN**

Status tindakan pembetulan adalah sebanyak dua (2) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), dua (2) bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan tiada laporan tindakan pembetulan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS). Perincian laporan adalah seperti pada **Lampiran 1**.

**4. SYOR**

Ahli MKSP UPM dimohon:

- (a) mengambil maklum Status Tindakan Pembetulan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh pelaporan 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017; dan
- (b) menyemak dan membuat keputusan mengenai status tindakan pembetulan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Peneraju serta keberkesanan tindakannya dalam Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) di UPM.

Lampiran 1**AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN**

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

**QMS**

**ISMS**

**EMS**

Nota: Tindakan pembetulan yang dikenalpasti melalui proses selain daripada penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

<b>Bil</b>	<b>Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat</b>	<b>Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan</b>	<b>Tindakan Pembetulan</b>	<b>Tarikh tindakan</b>	<b>Status Keberkesanan Tindakan</b>
1.	<p>Pejabat TNCPI telah mengadakan Semakan Audit Kendiri pada 10 dan 11 Julai 2017. Audit Kendiri ini telah melibatkan semua entiti di bawah Pejabat TNCPI iaitu BPI, RMC, PSP dan COMAS. Sebanyak <b>16 proses kerja yang telah disemak</b> oleh 14 auditor PTJ. Hasil dapatan audit mendapati <b>3 NCR dan tiada OFI</b>.</p> <p><b>(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi))</b></p>	<p><b>COMAS:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Proses pengurusan bahan kimia tidak dilaksanakan mengikut prosedur SPK.</li> <li>2. Proses kalibrasi tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.</li> </ol> <p><b>PSP:</b></p> <p>Maklumbalas pelanggan tidak diambil tindakan dan diberi maklum balas.</p>	<p><b>COMAS :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membuat permohonan latihan kepada OSH untuk latihan pengurusan bahan kimia.</li> <li>2. Membuat permohonan dan semakan untuk kalibrasi peralatan makmal.</li> </ol> <p><b>PSP:</b></p> <p>Mewujudkan kaedah pemantauan secara manual melalui papan putih di Bahagian Promosi &amp; Pemasaran PSP sebelum dimasukkan ke dalam pangkalan data.</p>	14 Julai 2017	<input checked="" type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Dalam Proses  Catatan (jika ada): Telah diambil tindakan.

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	<p>Didapati <b>Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</b> iaitu mengekalkan kedudukan laman web UPM pada kedudukan tiga teratas di Malaysia tidak tercapai bagi tempoh penilaian <b>Jan-Jun 2016 dan Julai-Disember 2016</b>.</p> <p>Pencapaian KPI tersebut adalah <b>kedudukan ke-4 di Malaysia</b> bagi tempoh penilaian <b>Januari-Jun 2016, Julai-Disember 2016 dan Januari-Jun 2017</b>.</p> <p><b>(Perpustakaan Sultan Abdul Samad)</b></p>	<p>Markah kriteria <i>impact</i> (50%) masih rendah pada kedudukan 1745 (Jul – Dis 2016) dan 1854 (Jan - Jun 2017) disebabkan kekurangan <i>backlink/inlink</i> dari organisasi dan institusi luar.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membina Laman Web baharu UPM yang mula digunakan pada awal April 2017.</li> <li>2. Memperbanyakkan kandungan yang dapat menarik pihak luar membuat pautan ke Laman Web UPM / PTJ.</li> <li>3. Membuat pertukaran pautan dengan organisasi / individu luar secara berterusan.</li> <li>4. Mewujudkan menu Alumni di menu pelanggan (web Fakulti dan Institut sahaja).</li> <li>5. Membangunkan <i>page</i> khas untuk Alumni UPM (staf dan pelajar).</li> <li>6. Menambah jumlah penulisan dalam format HTML dan PDF di Laman Web UPM / PTJ.</li> </ol>	2017	<p><input type="checkbox"/> Ya  <input checked="" type="checkbox"/> Tidak  <input type="checkbox"/> Dalam Proses</p> <p>Catatan (jika ada):</p> <p>Keberkesanan Tindakan Pembetulan yang dibuat akan dilaporkan setelah kedudukan laman web UPM bagi tempoh penilaian Julai – Disember 2017 yang akan diumumkan pada Januari 2018.</p>

Lampiran 1**AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN**

(Tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan)

**QMS****ISMS** ✓**EMS**

Nota: Tindakan pembetulan yang dikenalpasti melalui proses selain daripada penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

<b>Bil</b>	<b>Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat  (Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)</b>	<b>Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan</b>	<b>Tindakan Pembetulan</b>	<b>Tarikh tindakan</b>	<b>Status Keberkesanan Tindakan</b>
1.	Pengukuran objektif Penjimatan Elektrik tidak mencapai sasaran bagi tahun 2016	Penjimatan adalah untuk keseluruhan kampus. Aktiviti penjimatan masih pada "no cost" dan hanya sedikit "low cost" menjadikan sasaran agak sukar dicapai.	<p>(a) Mengkaji semula sasaran bagi penjimatan elektrik. PPPA mengesyorkan agar sasaran diturunkan kepada 6%.</p> <p>(b) Melaksanakan program <i>Energy Performance Contracting</i> (EPC) di 3 Pusat Tanggungjawab (PTJ) besar iaitu Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Institut Biosains (IBS) dijangka dapat memberi penjimatan yang tinggi kepada UPM.</p>	Disember 2017	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input checked="" type="checkbox"/> Dalam Proses  Catatan (jika ada): (a) Sasaran objektif penjimatan elektrik telah berkuatkuasa mulai Julai 2017. (b) Program EPC di FK dan IBS telah dilaksanakan pada Julai 2017 manakala di FPSK akan dilaksanakan pada Disember 2017.

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	<p>Pengukuran objektif Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik tidak mencapai sasaran bagi tahun 2016.</p> <p><b>(Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)</b></p>	Pengisian inventori secara manual dan pembelian tidak terkawal.	Membangunkan sistem inventori atas talian secara berpusat bagi memudahkan perekodan dan kawalan (pembelian, pendaftaran dan pengemaskinian).	Februari 2018	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input checked="" type="checkbox"/> Dalam Proses <p>Catatan (jika ada):</p> <p>Pelaksanaan sistem yang dijadualkan pada bulan April 2017 terpaksa ditangguhkan kerana penyediaan sistem oleh pihak pembekal tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p>